

Persepsi Murid Tahap 2 terhadap Pembelajaran Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah

(*Perception of Level 2 Students towards Malay Language Composition Learning in Primary School*)

¹MOHD HARMAN MD RODZI & ²ALIZAH LAMBRI

¹SK Sultan Yussuf, 31000 Batu Gajah, Perak

²Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak

mohdharman83@gmail.com; alizah@fbk.upsi.edu.my

Dihantar: 25 Oktober 2024 / Diterima: 20 November 2024

Koresponden e-mel: mohdharman83@gmail.com

ABSTRAK: Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meninjau persepsi murid-murid Tahap 2 terhadap pembelajaran karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah. Penyelidikan ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Kajian tinjauan telah digunakan sebagai kaedah pengumpulan data yang melibatkan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi sebanyak 10 item soalan yang meninjau persepsi murid terhadap pembelajaran karangan. Seramai 200 orang murid di tiga buah sekolah rendah di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Selatan, Perak telah dipilih sebagai responden. Para responden ini telah dipilih berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu terdiri dalam kalangan murid Tahap 2 yang mempunyai pengalaman mempelajari penulisan karangan. Hasil soal selidik menunjukkan murid kurang berminat dengan penulisan karangan. Hal ini disebabkan oleh stigma dalam kalangan murid bahawa penulisan karangan merupakan antara aspek yang sukar dipelajari dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kurangnya minat dalam kalangan murid terhadap penulisan karangan juga disumbangkan oleh faktor kesukaran yang dihadapi oleh murid untuk mengenal pasti dan mengolah isi karangan dengan baik. Oleh yang demikian, murid mengalami kesulitan untuk menghasilkan karangan yang bermutu, seterusnya menjejaskan markah mereka semasa ujian atau peperiksaan. Walau bagaimanapun, melalui maklum balas positif murid dalam beberapa item soal selidik, didapati bahawa kaedah pembelajaran berpusatkan murid merupakan kaedah yang paling sesuai diterapkan dalam penulisan karangan. Hal ini kerana murid menyatakan bahawa mereka melibatkan diri secara aktif di dalam kelas dan mengakui pencapaian mereka dalam penulisan karangan akan meningkat sekiranya guru menggunakan kaedah pembelajaran berpusatkan murid seperti teknik inovasi karangan.

Kata Kunci: Persepsi Murid, Penulisan Karangan, Kaedah Berpusatkan Murid, Murid Tahap 2, Pensampelan Bertujuan

ABSTRACT: This study was conducted to examine the perceptions of Level 2 students towards the learning of Malay language composition in primary schools. This research uses a quantitative design. Survey research has been used as a data collection method involving questionnaires as the research instrument. The questionnaire used contains 10 items that survey students' perceptions of essay writing. A total of 200 students from three primary schools under the administration of the Kinta Selatan District Education Office, Perak, were selected as respondents. These respondents were selected based on the purposive sampling method, consisting of Level 2 students who have experience in learning essay writing. The results of the survey show that students are less interested in essay writing. This is due to the stigma among students that essay writing is one of the difficult aspects to learn in the Malay language subject. The lack of interest among students in essay writing is also contributed by the difficulty faced by students in identifying and organizing the content of the essay well. Therefore, students have difficulty producing quality essays, which in turn affects their scores during tests or examinations. However, through the positive feedback from students on several items in the questionnaire, it was found that the student-centered learning method is the most suitable method to be applied in essay writing. This is because the students stated that they actively participate in class and acknowledge that their achievement in essay writing will improve if the teacher uses student-centered learning methods such as the essay innovation technique.

Keywords: *Student Perception, Essay Writing, Student-Centered Methods, Level 2 Students, Purposive Sampling*

PENGENALAN

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Rendah Tahun 6 (KPM 2021), kemahiran menulis merupakan salah satu teras dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran bahasa ini diperoleh melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik.

Penulisan karangan merupakan salah satu aspek utama dalam kemahiran menulis yang perlu dipelajari oleh murid-murid Tahap 2, iaitu Tahun 4, 5 dan 6 di sekolah rendah. Murid dibimbing untuk menulis karangan yang terdiri daripada

karangan berformat dan tidak berformat dengan betul. Menurut Chintella dan Nor Azwahanum (2023), kemahiran menulis didefinisikan sebagai keupayaan seseorang murid untuk menulis dan menterjemahkan idea dalam pelbagai jenis penulisan yang memberi fokus kepada beberapa aspek seperti ayat yang ditulis mestilah gramatis, penggunaan tanda baca dan ejaan yang betul dan tulisan murid mestilah jelas dan kemas. Sehubungan dengan itu, Roselan (2003), menyatakan bahawa disebabkan kemahiran menulis merupakan kemahiran asas yang sangat penting dalam kemahiran berbahasa, maka, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kemahiran menulis perlu dilaksanakan dengan berkesan.

Oleh itu, pembelajaran penulisan karangan yang melibatkan penggunaan kemahiran kognitif yang tinggi memerlukan guru menguasai kemahiran pedagogi dan ilmu penulisan karangan yang baik bagi memastikan murid berminat untuk mempelajari karangan, seterusnya menguasai kemahiran menulis karangan dengan cemerlang.

PERNYATAAN MASALAH

Antara isu utama dalam pengajaran penulisan karangan ini adalah murid-murid menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti dan mengolah isi karangan kerana pengetahuan dan pengalaman yang terhad. Seterusnya, masalah ini telah menyebabkan murid kekurangan idea untuk menulis karangan dengan baik (Md Fadzil dan Zamri 2020, Mohd Khir dan Marzhuki 2009). Kegagalan untuk menulis idea dengan baik ini disebabkan oleh masalah kebuntuan yang sering dihadapi oleh murid ketika menulis ayat, selain mempunyai kemahiran yang terhad dalam memanipulasi perkataan menjadi ayat yang gramatis (Norul Haida 2014). Selain itu, murid-murid juga turut mengalami masalah untuk menguasai penggunaan kosa kata dengan baik, struktur ayat yang tidak betul dan pelbagai masalah lagi yang berkaitan dengan aspek bahasa yang tidak dikuasai oleh murid (KPM 2018).

Antara faktor utama yang dikenalpasti sebagai penyumbang kepada kegagalan murid

mengembangkan potensi penulisan karangan ini adalah sikap guru yang masih mempraktikkan kaedah pengajaran tradisional di dalam bilik darjah (Andrew et al. 2019, Marohaini 2004) dan penerapan pengajaran yang kurang menekankan kemahiran berfikir (Anthony dan Yahya 2017). Berdasarkan amalan pengajaran penulisan karangan yang dinyatakan, adalah sukar untuk murid membina keupayaan untuk menghasilkan penulisan yang berkualiti (Roselan 2003). Kegagalan menguasai penulisan karangan dengan baik menyebabkan murid kurang berminat untuk mempelajari karangan kerana menganggap karangan sebagai kemahiran yang sukar untuk dipelajari. Seterusnya, masalah ini akan menyumbang kepada kemerosotan pencapaian mereka dalam ujian atau peperiksaan.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi murid-murid Tahap 2 terhadap pembelajaran karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan mengenai persepsi murid terhadap pembelajaran karangan. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Syazwan dan Zamri (2021) yang menilai keberkesanan penggunaan Jejari Penanda Wacana (JPW) dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan

Bahasa Melayu murid sekolah rendah. Berdasarkan analisis persepsi murid, didapati bahawa pengaplikasian JPW telah berjaya melahirkan murid yang mampu berfikir lebih luas dan meningkatkan kemampuan murid untuk mengembangkan idea semasa menulis karangan. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan bahan

bantu mengajar seperti JPW dapat menarik minat murid untuk mempelajari penulisan karangan, seterusnya meningkatkan kemahiran mereka dalam penulisan karangan. Selain itu, kajian yang dilaksanakan oleh Nurul Fazlina dan Mariyati (2024) mengenai penggunaan konsep retorik penerangan dalam karangan Bahasa Melayu sekolah menengah telah mendapati bahawa murid memberikan maklum balas yang positif. Buktinya, murid menjelaskan bahawa mereka telah menerapkan pengaplikasian retorik penerangan semasa menulis karangan dan konsep tersebut juga telah membantu mereka memantapkan lagi huraian idea dengan mengemukakan bukti yang tepat. Hasilnya, murid telah berjaya menghasilkan penulisan karangan yang bermutu. Yusfaiza dan Mohd Isha (2012) yang menjalankan kajian mengenai pengaplikasian pembelajaran Jigsaw II dalam pengajaran penulisan karangan murid Tingkatan 2 telah menjelaskan bahawa murid menunjukkan sikap yang positif seperti menyatakan bahawa kemahiran menulis karangan mereka semakin meningkat dari aspek mudah mencari isi karangan selepas sesi perbincangan bersama rakan, lebih faham tentang cara mengembangkan isi karangan dan semakin teruja untuk belajar menulis karangan.

Sementara itu, respons positif yang ditunjukkan oleh murid terhadap pembelajaran karangan turut dibuktikan melalui kajian yang dilaksanakan oleh Avralinetine dan Nurfaradilla (2021). Penyelidik menjalankan kajian untuk menilai keberkesanan penggunaan Modul Celik Karangan dalam meningkatkan kemahiran dan minat murid Tahun 6 dalam penulisan jenis fakta. Kajian dijalankan selepas mengenal pasti kelemahan murid dalam mengemukakan dan menghuraikan idea yang tidak bernas dan tidak jelas. Oleh yang demikian, penyelidik telah memperkenalkan Modul Celik Karangan yang mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), peta pemikiran i-Think, kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Kit IDEA (*Idea, Description, Example, Assertion*), iaitu bahan bantu belajar yang menggabungkan konsep origami dan kerangka karangan. Berdasarkan dapatan analisis kajian, didapati penggunaan Modul Celik Karangan telah berjaya meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan. Hal ini dibuktikan melalui markah ujian pasca yang lebih tinggi daripada ujian pra. Minat murid terhadap penulisan karangan jenis fakta juga turut meningkat melalui respons positif yang diberikan oleh murid. Murid menyatakan bahawa belajar menulis karangan dengan menggunakan

Modul Celik Karangan lebih menyeronokkan, mudah difahami, mudah digunakan dan menarik.

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Rubiaton dan Jamaludin (2018) mengenai penggunaan teknik inovasi yang dikenali sebagai Teknik BoGraf (Borang Grafik) untuk menangani masalah murid-murid Tahun 5 yang tidak menguasai penulisan karangan. Antara permasalahan tersebut adalah seperti tidak tahu menyusun idea dan huraian, tidak dapat menyiapkan penulisan karangan dalam masa yang ditetapkan kerana banyak masa dihabiskan untuk mencari idea dan isi karangan tidak mencukupi dan berulang-ulang penggunaannya. Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai kesan penggunaan Teknik BoGraf terhadap olahan idea penulisan karangan murid. Penyelidik menggunakan borang grafik (BoGraf) sebagai alat berfikir dalam bentuk pengurusan grafik dan penyolaan untuk membantu dua orang murid Tahun 5 yang berprestasi sederhana menjana idea dan menyusun isi karangan penulisan. Dapatan analisis kajian telah berjaya membuktikan bahawa penggunaan Teknik BoGraf mampu meningkatkan penguasaan murid dalam mengolah huraian dan menyusun idea karangan. Murid juga menyatakan bahawa Teknik BoGraf telah memudahkan mereka menulis tiga ayat yang berlainan bagi menghuraikan isi karangan dan karangan mereka kini menjadi lebih tersusun mengikut format pemerenggaan.

Kajian yang dilaksanakan oleh Zulkifli et al. (2022) mengenai kesan pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD terhadap murid Tingkatan Dua di sekolah menengah kebangsaan Cina turut menunjukkan dapatan yang positif. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian murid Cina dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Kajian yang melibatkan seramai 56 orang murid sebagai sampel telah menggunakan kaedah kuasi eksperimental. Dapatan soal selidik persepsi murid menunjukkan bahawa pengaplikasian pendekatan koperatif model STAD ini telah berjaya memupuk nilai murni dan meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan. Dapatan positif juga ditunjukkan melalui kajian yang dilakukan oleh Ahmad Fikri dan Zamri (2019). Penyelidik yang mengenai penggunaan Teknik Lakaran bersama Peta Alir I-Think. Rumusan yang diperoleh ialah penggunaan teknik lakaran tersebut telah berjaya meningkatkan kemahiran menjana idea dan motivasi murid etnik Lun Bawang dalam penulisan karangan autobiografi.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif sebagai reka bentuk kajian. Untuk proses pengumpulan data, penyelidikan ini telah memilih kajian tinjauan yang melibatkan penggunaan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik ini mengandungi sebanyak 10 item soalan yang merangkumi kajian mengenai persepsi murid terhadap pembelajaran karangan. Item-item borang soal selidik ini disediakan dengan merujuk kepada Skala Likert seperti berikut: 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Setuju, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju. Dapatan kajian menerusi tinjauan soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) versi 23*. Data dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif yang melibatkan nilai frekuensi (kekerapan) dan peratus. Hasil analisis data membincangkan secara terperinci berkaitan persepsi murid Tahap 2 terhadap pembelajaran karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah rendah (sekolah kebangsaan) yang berada di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kinta Selatan, Perak. Tiga sekolah ini merupakan antara sekolah rendah yang mempunyai bilangan murid teramai di Daerah Kinta Selatan.

Responden Kajian

Seramai 200 orang murid Tahun 5 dan Tahun 6 dari tiga buah sekolah rendah di bawah pentadbiran

PPD Kinta Selatan, Perak telah dipilih sebagai responden kajian. Para responden kajian ini dipilih berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu dalam kalangan murid yang pernah mempelajari penulisan karangan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Borang soal selidik ini telah mendapat pengesahan pakar daripada tiga orang pensyarah berpengalaman dalam bidang Pendidikan Bahasa Melayu iaitu seorang dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan dua orang dari Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Ipoh. Penyelidik telah melakukan penambahbaikan terhadap item soal selidik berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh panel pakar tersebut agar borang soal selidik ini sesuai digunakan untuk kajian ini.

Bagi menentukan tahap kebolehpercayaan yang tinggi terhadap instrumen penyelidikan ini, penyelidik telah melaksanakan kajian rintis terhadap 30 orang murid di sebuah sekolah rendah di bawah pentadbiran PPD Kinta Selatan. 10 item soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan aplikasi SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) bagi mendapatkan nilai alpha Cronbach. Hasil analisis mendapati bahawa item-item soal selidik tersebut mempunyai nilai alpha Cronbach yang tinggi, iaitu 0.807. Menurut Kubiszyn dan Borich (2000), nilai alpha Cronbach = 0.80 - 0.90 merupakan nilai yang boleh diterima. Sehubungan dengan itu, item-item soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan untuk kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden Kajian

Seramai 200 orang murid Tahap 2 telah dipilih sebagai responden kajian. Seramai 140 orang murid atau 70.0% adalah terdiri daripada lelaki, manakala 60 orang murid lagi atau 30.0% ialah perempuan. Daripada jumlah keseluruhan responden ini, seramai 110 orang murid atau 55.0% merupakan murid Tahun 5 berbanding 90 orang atau 45.0% adalah murid Tahun 6. Dari segi taburan kaum, responden yang terlibat dalam

kajian ini terdiri daripada 172 orang murid Melayu atau 86.0%, diikuti oleh 25 orang murid India atau 12.5% dan 3 orang murid Lain-Lain Kaum atau 1.5%. Sementara itu, majoriti responden terdiri daripada murid yang beragama Islam iaitu seramai 173 orang (86.5%), diikuti oleh 25 orang murid (12.5%) yang menganut agama Hindu dan masing-masing 1 orang murid beragama Kristian dan Lain-Lain Agama (0.5%).

Persepsi Murid-Murid Tahap 2 terhadap Pembelajaran Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah

Bahagian ini menjelaskan mengenai dapatan soal selidik yang bertujuan meninjau persepsi murid terhadap pembelajaran karangan. Terdapat 10 item soalan yang merangkumi minat, masalah yang

dihadapi oleh murid semasa mempelajari penulisan karangan dan pandangan murid terhadap pembelajaran karangan.

Jadual 1 membincangkan persepsi murid-murid Tahun 2 terhadap pembelajaran karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah.

JADUAL 1: Persepsi murid Tahap 2 dalam pembelajaran karangan Bahasa Melayu

Bil.	Item Persepsi Murid	Skala Likert				
		1 STS	2 TS	3 KS	4 S	5 SS
1	Saya sangat meminati karangan.	9 (4.5%)	10 (5.0%)	82 (41.0%)	72 (36.0%)	27 (13.5%)
2	Saya mempunyai masalah untuk menulis karangan dengan baik.	39 (19.5%)	41 (20.5%)	47 (23.5%)	64 (32.0%)	9 (4.5%)
3	Saya berasa sangat sukar untuk mencari idea bagi menulis isi karangan.	18 (9.0%)	48 (24.0%)	50 (25.0%)	59 (29.5%)	25 (12.5%)
4	Saya berasa sangat sukar untuk mengembangkan isi karangan.	29 (14.5%)	53 (26.5%)	45 (22.5%)	59 (29.5%)	14 (7.0%)
5	Karangan merupakan antara aspek yang agak susah untuk dipelajari dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	19 (9.5%)	44 (22.0%)	53 (26.5%)	71 (35.5%)	13 (6.5%)
6	Saya diajar menulis karangan dengan kaedah pengajaran yang menarik.	5 (2.5%)	13 (6.5%)	14 (7.0%)	80 (40.0%)	88 (44.0%)
7	Saya melibatkan diri secara aktif semasa belajar menulis karangan.	10 (5.0%)	25 (12.5%)	54 (27.0%)	76 (38.0%)	35 (17.5%)
8	Saya sering menyiapkan latihan karangan yang diberikan oleh guru mengikut masa yang ditetapkan.	14 (7.0%)	27 (13.5%)	60 (30.0%)	67 (33.5%)	32 (16.5%)
9	Saya sering mendapat markah yang baik dalam karangan semasa ujian.	14 (7.0%)	18 (9.0%)	71 (35.5%)	59 (29.5%)	38 (19.0%)
10	Penggunaan teknik inovasi karangan boleh membantu saya menulis karangan dengan lebih baik.	5 (2.5%)	16 (8.0%)	33 (16.5%)	71 (35.5%)	75 (37.5%)

*Nota : 1 – Sangat Tidak Setuju, 2 – Tidak Setuju, 3 – Kurang Setuju, 4 – Setuju, 5 – Sangat Setuju

Berdasarkan Jadual 1, didapati responden yang menjawab “Kurang Setuju” terhadap item 1: “*Saya sangat meminati karangan*” telah membentuk bilangan tertinggi iaitu seramai 82 orang atau 41.0%. Ini diikuti oleh 72 orang responden atau 36.0% menjawab “Setuju”, 27 orang responden atau 13.5% menjawab “Sangat Setuju”, 10 orang responden atau 5.0% menjawab “Tidak Setuju” dan 9 orang responden atau 4.5% menjawab “Sangat Tidak Setuju”. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden tidak menunjukkan minat terhadap pembelajaran penulisan karangan.

Bagi item 2: “*Saya mempunyai masalah untuk menulis karangan dengan baik*” didapati responden yang menjawab “Setuju” telah membentuk bilangan tertinggi iaitu seramai 64 orang atau 32.0%. Ini diikuti oleh 47 orang responden atau 23.5% menjawab “Kurang Setuju”, 41 orang responden atau 20.5% menjawab “Tidak Setuju”, 39 orang responden atau 19.5% menjawab “Sangat Tidak Setuju” dan 9 orang responden atau 4.5% menjawab “Sangat Setuju”. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mengakui bahawa mereka mempunyai masalah untuk menulis karangan dengan baik.

Bagi item 3: “*Saya berasa sangat sukar untuk mencari idea bagi menulis isi karangan*” didapati responden yang menjawab “Setuju” terhadap item 5 telah membentuk bilangan tertinggi iaitu seramai 59 orang atau 29.5%. Ini diikuti oleh 50 orang responden atau 25.0% menjawab “Kurang Setuju”, 48 orang responden atau 24.0% menjawab “Tidak Setuju”, 25 orang responden atau 12.5% menjawab “Sangat Setuju” dan 18 orang responden atau 9.0% menjawab “Sangat Tidak Setuju”. Hal ini membuktikan bahawa ramai responden mengakui bahawa mereka berasa sangat sukar untuk mencari idea bagi menulis isi-isi penting karangan.

Berdasarkan Jadual 1, didapati sebahagian besar responden atau 59 orang (29.5%) telah menjawab “Setuju” terhadap item 6: “*Saya berasa sangat sukar untuk mengembangkan isi karangan*”. Ini diikuti oleh 53 orang responden atau 26.5% menjawab “Tidak Setuju”, 45 orang responden atau 22.5% menjawab “Kurang Setuju”, 29 orang responden atau 14.5% menjawab “Sangat Tidak Setuju” dan 14 orang responden atau 7.0% menjawab “Sangat Setuju”. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebilangan besar responden mengakui mereka berasa sangat sukar untuk mengembangkan isi karangan. Masalah ini turut mempunyai perkaitan dengan item 3 iaitu

mengenai kesukaran responden untuk mencari idea bagi mengenal pasti isi karangan.

Sebahagian besar responden atau 71 orang (35.5%) telah menjawab “Setuju” terhadap item 5: *“Karangan merupakan antara aspek yang agak susah untuk dipelajari dalam mata pelajaran Bahasa Melayu”*. Hal ini diikuti oleh 53 orang responden atau 26.5% menjawab “Kurang Setuju”, 44 orang responden atau 22.0% menjawab “Tidak Setuju”, 19 orang responden atau 9.5% menjawab “Sangat Tidak Setuju” dan 13 orang responden atau 6.5% menjawab “Sangat Setuju”. Dapatan ini membuktikan bahawa sebahagian besar responden mengakui bahawa karangan merupakan antara aspek yang agak sukar dipelajari berbanding topik atau aspek lain dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan item 5 ini dilihat seperti menjawab dapatan item 1 iaitu sebab-sebab mengapa sebahagian besar responden tidak meminati penulisan karangan.

Bagi item 6: *“Saya diajar menulis karangan dengan kaedah pengajaran yang menarik”* didapati sebahagian besar responden atau 88 orang (44.0%) telah menjawab “Sangat Setuju” terhadap item Hal ini diikuti oleh 80 orang responden atau 40.0% menjawab “Setuju”, 14 orang responden atau 7.0% menjawab “Kurang Setuju”, 13 orang responden atau 6.5% menjawab “Tidak Setuju” dan 5 orang responden atau 2.5% menjawab “Sangat Tidak Setuju”. Dapatan ini menjelaskan bahawa majoriti responden menjelaskan bahawa mereka telah diajar menulis karangan dengan penggunaan kaedah pengajaran yang menarik oleh guru.

Seterusnya bagi item 7, didapati responden yang menjawab “Setuju” untuk *“Saya melibatkan diri secara aktif semasa belajar menulis karangan”* merupakan bilangan tertinggi iaitu seramai 76 orang atau 38.0%. Hal ini diikuti oleh 54 orang responden atau 27.0% menjawab “Kurang Setuju”, 35 orang responden atau 17.5% menjawab “Sangat Setuju”, 25 orang responden atau 12.5% menjawab “Tidak Setuju” dan 10 orang responden atau 5.0% menjawab “Sangat Tidak Setuju”. Hal ini membuktikan bahawa sebilangan besar responden menyatakan bahawa mereka memainkan peranan yang aktif semasa berlangsungnya proses pembelajaran karangan. Dapatan ini menjelaskan bahawa berlakunya pendekatan berpusatkan murid yang diterapkan oleh guru dalam pembelajaran penulisan karangan.

Untuk item 8, iaitu *“Saya sering menyiapkan latihan karangan yang diberikan oleh guru mengikut masa yang ditetapkan”*, didapati responden yang menjawab “Setuju” adalah paling ramai, iaitu seramai 67 orang atau 33.5%. Hal ini

diikuti oleh 60 orang responden atau 30.0% menjawab “Kurang Setuju”, 32 orang responden atau 16.5% menjawab “Sangat Setuju”, 27 orang responden atau 13.5% menjawab “Setuju” dan 14 orang responden atau 7.0% menjawab “Sangat Tidak Setuju”. Dapatan ini menjelaskan bahawa sebilangan besar responden menyatakan mereka sering menyiapkan latihan karangan yang diberikan oleh guru mengikut masa yang ditetapkan walaupun menghadapi kesukaran menulis karangan dengan baik.

Berdasarkan Jadual 1 juga, didapati responden yang menjawab “Kurang Setuju” terhadap item 9, iaitu *“Saya sering mendapat markah yang baik dalam karangan semasa ujian”* merupakan bilangan tertinggi iaitu seramai 71 orang atau 35.5%. Ini diikuti oleh 59 orang responden atau 29.5% menjawab “Setuju”, 38 orang responden atau 19.0% menjawab “Sangat Setuju”, 18 orang responden atau 9.0% menjawab “Tidak Setuju” dan 14 orang responden atau 7.0% menjawab “Sangat Tidak Setuju”. Hal ini menunjukkan bahawa sebilangan besar responden menjelaskan bahawa mereka tidak mendapat markah yang baik dalam karangan semasa ujian. Masalah ini berkemungkinan besar mempunyai perkaitan rapat dengan beberapa situasi yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran penulisan karangan seperti tidak berminat dengan karangan (item 1), murid mempunyai masalah untuk menulis karangan dengan baik (item 2), kesukaran mencari serta mengembangkan isi karangan (item 3 dan item 4) dan menganggap karangan sebagai sukar untuk dipelajari (item 5).

Akhir sekali ialah item 10, iaitu *“Penggunaan teknik inovasi karangan boleh membantu saya menulis karangan dengan lebih baik”* mendapati sebahagian besar responden atau 75 orang (37.5%) telah menjawab “Sangat Setuju”. Hal ini diikuti oleh 71 orang responden atau 35.5% menjawab “Setuju”, 33 orang responden atau 16.5% menjawab “Kurang Setuju”, 16 orang responden atau 8.0% menjawab “Tidak Setuju” dan 5 orang responden atau 2.5% menjawab “Sangat Tidak Setuju”. Dapatan ini membuktikan bahawa sebilangan besar responden bersetuju bahawa penggunaan teknik inovasi karangan oleh guru boleh membantu mereka menulis karangan dengan lebih baik berbanding menggunakan kaedah konvensional. Sehubungan dengan itu, berdasarkan maklum balas positif ini, murid didapati berminat, bersedia dan tiada masalah sekiranya guru menerapkan kaedah pembelajaran berpusatkan murid dalam pembelajaran karangan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan soal selidik persepsi murid terhadap pembelajaran penulisan karangan, didapati bahawa kebanyakan murid kurang

berminat untuk mempelajari penulisan karangan. Punca berlakunya masalah ini adalah disebabkan oleh stigma dalam kalangan murid yang

menganggap bahawa penulisan karangan merupakan antara aspek yang agak sukar dipelajari dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, dapatan kajian juga turut menjelaskan bahawa sebahagian besar murid menghadapi masalah untuk menulis karangan dengan baik. Isu ini mempunyai perkaitan rapat dengan kesukaran yang dialami oleh murid untuk mengenal pasti dan mengembangkan isi karangan. Oleh kerana murid tidak mampu mencari idea untuk mengenal pasti isi karangan dan mengolahnya dengan baik, maka, hal ini menyebabkan murid sukar untuk menghasilkan sebuah karangan yang berkualiti. Seterusnya, masalah ini menjadi penyumbang kepada kegagalan murid mendapat markah yang cemerlang dalam ujian atau peperiksaan.

Sementara itu, didapati murid turut memberikan respons yang positif terhadap beberapa item. Antaranya ialah murid menyatakan bahawa mereka diajar dengan kaedah pengajaran yang menarik oleh guru. Selain itu, mereka juga melibatkan diri secara aktif semasa proses pembelajaran karangan di dalam kelas. Walaupun mengalami kesukaran untuk menulis karangan dengan baik, tetapi murid menyatakan bahawa mereka berjaya menyiapkan latihan karangan yang

diberikan oleh guru mengikut masa yang ditetapkan. Murid juga menjelaskan bahawa tahap penguasaan mereka terhadap kemahiran menulis karangan akan menjadi lebih baik sekiranya guru mengaplikasikan teknik inovasi karangan semasa proses pembelajaran.

Pandangan positif murid ini menjelaskan bahawa mereka berminat dan tidak mempunyai sebarang masalah seandainya guru menerapkan kaedah pengajaran berpusatkan murid semasa sesi pembelajaran karangan. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran berpusatkan murid seperti teknik inovasi karangan sememangnya sesuai diaplikasikan bagi membantu murid menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik, selain menawarkan suatu bentuk pembelajaran yang lebih menarik. Kaedah ini sesuai diterapkan kerana menawarkan ciri-ciri seperti mengutamakan aktiviti kolaboratif, perbincangan, pembentangan, menggunakan bahan bantu mengajar dan memberi lebih peranan kepada murid dalam proses pembelajaran. Ciri-ciri ini boleh mendorong murid untuk berperanan lebih aktif di dalam kelas dan memupuk kemahiran berfikir aras tinggi yang sememangnya sangat penting khususnya untuk pembelajaran karangan yang memerlukan kemahiran kognitif yang tinggi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan soal selidik ini telah berjaya memenuhi objektif kajian iaitu untuk meninjau persepsi murid terhadap pembelajaran karangan. Apa yang boleh disimpulkan di sini adalah sememangnya murid menghadapi masalah untuk menulis karangan dengan baik. Faktor ini mempunyai perkaitan rapat dengan kesukaran murid untuk mencari idea bagi mendapatkan isi karangan, seterusnya mengembangkannya dengan berkesan. Oleh yang demikian, tidak hairanlah murid kurang berminat dengan pembelajaran karangan kerana telah mempunyai stigma di dalam fikiran bahawa penulisan karangan merupakan antara aspek yang sukar untuk dipelajari dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Masalah yang dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan ini adalah selaras dengan kajian yang dilaksanakan oleh Md Fadil dan Zamri (2020) dan Mohd Khir dan Marzhuki (2009) yang menjelaskan bahawa murid-murid menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti dan mengolah isi karangan kerana pengetahuan dan pengalaman yang terhad. Hal ini telah menyebabkan murid kekurangan idea untuk menulis karangan dengan baik. Dapatan ini turut disokong oleh Norul Haida (2014) yang menyatakan kegagalan untuk menulis idea dengan baik ini disebabkan oleh masalah kebuntuan yang sering dihadapi oleh murid ketika menulis ayat, selain mempunyai kemahiran yang terhad dalam memanipulasi perkataan menjadi ayat yang gramatis.

Namun begitu, berdasarkan maklum balas positif murid dalam beberapa item soal selidik, didapati penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran karangan ini telah dikenal pasti. Antaranya ialah guru boleh mengaplikasikan kaedah pengajaran berpusatkan murid contohnya dengan menggunakan teknik inovasi karangan, bahan bantu mengajar, kaedah kelas berbalik, pembelajaran koperatif dan sebagainya bagi memastikan pengajaran yang lebih berkesan, seterusnya dapat membimbing murid menguasai kemahiran menulis karangan dengan cemerlang.

Kaedah pembelajaran berpusatkan murid ini menawarkan ciri-ciri pembelajaran yang menyeronokkan, melibatkan murid secara aktif, mengutamakan aktiviti kolaboratif yang berprinsipkan "*semua murid akan dibantu untuk menguasai topik pelajaran*", menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dan sebagainya. Kejayaan pengaplikasian kaedah pembelajaran berpusatkan murid dalam pembelajaran karangan telah berjaya dibuktikan melalui kajian yang dilaksanakan oleh Syazwan dan Zamri (2021) yang menerapkan penggunaan Jejari Penanda Wacana (JPW), Yusfaiza dan Mohd Ishah (2012) yang mengaplikasikan pembelajaran Jigsaw II, Avralinetine dan Nurfaradilla (2021) yang menggunakan Modul Celik Karangan, Rubiaton dan Jamaludin (2018) yang menerapkan teknik inovasi yang dikenali sebagai Teknik BoGraf (Borang Grafik) dan Zulkifli et al. (2022) yang

menerapkan pendekatan koperatif model STAD.

RUJUKAN

- Ahmad Fikri Ab. Rahman & Zamri Mahamod. 2019. Teknik lakaran bersama peta alir i-Think meningkatkan kemahiran menjana idea murid etnik Lun Bawang dalam karangan autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1): 12-22.
- Anthony Aloysius Akup & Yahya Othman. 2017. Keberkesanan peta pemikiran dalam meningkatkan kemahiran menulis esei Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1): 44-55.
- Andrew Emparan, Rozita Radhiah Said & Roselan Baki. 2019. Meneroka penggunaan teknik *flipped classroom* dalam pengajaran kemahiran menulis. *International Journal of Education and Training*, 5(1): 1-8.
- Avralinetine Epin & Nurfaradilla Mohamad Nasri. 2021. Modul Celik Karangan: Meningkatkan kemahiran dan minat murid Tahun Enam dalam penulisan karangan jenis fakta. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2): 130-143.
- Chintella Tenggek & Nor Azwahanum Nor Shaid. 2023. Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid sekolah menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1): 329-345.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian. Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2021. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 6*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kubiszyn, T. & Borich, G. 2000. *Educational Testing and Measurement: Classroom Application and Practice*. 6th Edition. New York: John Wiley & Sons.
- Marohaini Yusof. 2004. *Perlakuan dan Proses Menulis Karangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Md Fadzil Masri & Zamri Mahamod. 2020. Keberkesanan kaedah *flipped classroom* dalam meningkatkan kemahiran mengolah isi karangan murid-murid sekolah rendah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 6(1): 189-203.
- Mohd Khir Kassim & Marzukhi Nyak Abdullah. 2009. *Panduan KBSM. Karangan Gred A SPM*. Shah Alam: Cerdik Publications
- Norul Haida Hj. Redzuan. 2014. Modul Bijak Mengarang mempertingkat kemahiran menulis karangan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 9: 54-62.
- Nurul Fazlina Md. Rodi & Mariyati Mohd Nor. 2024. Analisis kelemahan penggunaan retorik penerangan dalam karangan Bahasa Melayu Murid Tingkatan Empat di SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka. *Journal of Research, Policy and Practice of Teachers & Teachers Education*, 14(1): 59-71.
- Othman Talib. 2013. *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Roselan Baki. 2003. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Rubiaton Ibrahim & Jamaludin Badusah. 2018. Kemahiran menjana idea karangan menggunakan Beknik Bograf di sekolah rendah. *Prosiding Seminar Pendidikan Transdisiplin (STEd 2018)*, hlm. 20-36. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syazwan Mohd Sanosi & Zamri Mahamod. 2021. Keberkesanan penggunaan Jejari Penanda Wacana dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1): 102-110.
- Yusfaiza Yusuff & Mohd Isha Awang. 2012. Aplikasi pembelajaran Jigsaw II dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2): 62-70.
- Zulkifli Osman, Suzana Abu Hassan, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan. 2022. Kesan pendekatan Model STAD terhadap pencapaian karangan Bahasa Melayu Murid sekolah menengah berketurunan Cina di Malaysia. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(1): 60-72, 2022.